

Lupakan sengketa, utamakan parti — PM

UM - 9 MAY 2002

PUTRAJAYA 8 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa pemimpin-pemimpin MCA melupakan persengketaan lampau mereka sebaliknya memberikan keutamaan terhadap kepentingan parti dan masyarakat Cina di negara ini.

Perdana Menteri berkata, sebagai parti yang mewakili masyarakat Cina, MCA perlu memastikan perhatian mereka terhadap golongan itu mengatasi lain-lain kepentingan.

Menurut beliau, MCA sebagai anggota kanan Barisan Nasional (BN) perlu kembali bersatu seperti parti-parti lain dalam komponen bagi mengukuhkan lagi kedudukan BN.

“Yang penting bukan siapa yang kalah atau menang tetapi paling penting ialah MCA dan masyarakat Cina yang menang,” katanya di hadapan 500 orang yang mewakili 200 pertubuhan Cina yang berhimpun di Laman Putra di sini sebagai tanda sokongan mereka dalam usaha menyelesaikan krisis dalaman MCA itu.

Pada perhimpunan itu pertubuhan-pertubuhan terbabit turut menyerahkan skrol bertulisan kaligrafi yang antara lain membawa maksud “Kehadiran Dr. Mahathir (dalam membantu menyelesaikan krisis MCA) membawa kejayaan”.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, beliau gembira kerana kedua-dua pihak (Kumpulan A dan Kumpulan B) yang

bertelagah dalam MCA sudah kembali bersatu selepas mereka menerima pelan damai yang diasaskannya.

Pelan damai itu disokong sebulat suara oleh Jawatankuasa Pusat (CC) pada 23 April lalu. Ia sekali gus menamatkan kemelut berpanjangan yang melanda parti komponen kedua terbesar BN itu yang melibatkan Kumpulan A pimpinan Presiden-

nya, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Kumpulan B yang diterajui oleh timbalannya, Datuk Lim Ah Lek.

“Saya tahu mereka sudah mula berekap antara satu sama lain dan saya dimaklumkan mereka telah mendapat 90 peratus sokongan untuk satu saja senarai calon (untuk pemilihan parti)...yang bermakna tidak ada pertandingan,” katanya.